

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Perikatan Nasional berkenaan dengan Petroleum Development Act 1974, kerana bertentangan dari segi perundangan, perlembagaan dan kesahihan dengan ADUN Sarawak. Adakah terdapat rancangan untuk memansuhkan atau meminda akta tersebut supaya peruntukan tersebut tidak guna pakai kepada Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan sentiasa terbuka untuk meneliti perundangan dan dasar mengikut situasi dan cabaran semasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan tidak berhasrat untuk meminda atau memansuh Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA1974) pada masa ini.

2. Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi perhatian untuk menyelesaikan pelbagai isu melibatkan negeri Sarawak dan Sabah. Ini terbukti melalui penubuhan Majlis Khas MA63 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Bagi perkara melibatkan petroleum, Jawatankuasa Bersama yang dipengerusikan YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Kanan Kerja Raya telah ditubuhkan bagi menyelesaikan permintaan/tuntutan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Manakala Jawatankuasa Bersama bagi Kerajaan Negeri Sabah pula dipengerusikan oleh YB Menteri Kewangan, YB Menteri Kanan Kerja Raya dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak).

Sekian, terima kasih.